



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perladangan dan Komoditi
(Ministry of Plantation and Commodities)



Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (11) 04/C/PD/656/4 Jil 7

1 Julai 2025

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Penapis

Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN LANJUTAN TEMPOH BERTENANG UNTUK PENGUATKUASAAN TAMBAHAN SYARAT LESEN YANG DIKENAKAN BAGI PEMEGANG LESEN KATEGORI KILANG PENAPIS (RF): KESELAMATAN MAKANAN DAN MINYAK SAWIT BERKUALITI.

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk dan Pekeliling Penguatkuasaan PK (EL) MPOB 04/2024 bertarikh 29 November 2024 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa soalselidik terhadap ketersediaan kilang penapis untuk mematuhan tambahan syarat lesen berkaitan kandungan kontaminasi 3-MCPDE dan GE telah dijalankan pada Jun 2025. Berdasarkan kepada analisa ke atas hasil soal selidik yang diperolehi hanya 23.3% sahaja yang bersedia untuk mematuhi syarat 3-MCPDE dan GE berbanding 76.7% tidak bersedia untuk mematuhi syarat 3-MCPDE dan GE.
3. Setelah memperhalusi dan mempertimbangkan hasil soal selidik berkenaan, MPOB mendapati tahap ketersediaan RF untuk mematuhan syarat lesen 3 -MCPDE dan GE masih rendah dan memerlukan tempoh masa yang lebih dari enam (6) bulan yang diberikan. Sehubungan itu, tempoh penguatkuasaan syarat lesen berkenaan akan dilanjutkan sehingga **31 Disember 2025**. Tiada perlanjutan tempoh bertenang selepas ini melainkan kepada pelesen yang dapat membuktikan selewatnya pada 31 Oktober 2025 bahawa mereka telah mulakan proses mematuhi syarat 3-MCPDE dan GE serta memberikan lapuran kemajuan pematuhan secara bulanan seperti yang telah dibuktikan oleh beberapa pelesen sehingga kini. Kelulusan perlanjutan selepas ini adalah secara case-by-case sahaja.
4. MPOB memahami akan cabaran yang dihadapi oleh pihak industri namun kelangsungan dan kelestarian industri kelapa sawit negara sentiasa menjadi keutamaan kepada MPOB.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,

(DATUK DR. AHMAD PARVEEZ HJ GHULAM KADIR)

Ketua Pengarah, MPOB



SIRIM
CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT. NO.: QMS 02602

